

邁向數字新時代

電子發票為何成了中小企業的必選項？



MyInvois

在马来西亚，这场数字转型浪潮的重要推动力之一，是由马来西亚内陆稅收局（HASIL）推行的电子发票系统（e-Invoice）。电子发票不仅是履行合规义务的工具，更为中小企业带来了提升效率、优化财务管理和强化企业信誉的宝贵机遇。

什么是电子发票？

电子发票是供应商与买家之间交易的数字化体现，取代了纸质或电子文件，例如发票、贷项通知单和借项通知单。业主无需手动操作、打印或储存在零散档案中，即

能以实时、系统化的方式生成并直接提交至内陆稅收局。通过电子发票，企业的交易记录与税务申报将实现无缝对接，大幅减少纸本作业及人为错误，并提升整体透明度，加强企业整体的运作效率。此外，电子发票的问世也有助于企业与马来西亚不断演进的税务合规要求保持同步。

尽管电子发票本质上是一项合规工具，但它所带来的营运效益远超表面，不仅支持企业成长，也提升了企业的长期竞争力。

电子发票对中小企业有什么好处？

中小企业常面对人手短缺、预算有限，以及“一人多职”的日常挑战，而电子发票能帮助他们减轻这些负担，让营运流程更简便，且财务记录更准确。电子发票为中小企业带来的关键优势包括：

✦ 更智能的财务管理

电子发票可精准记录每一笔交易，并安全储存相关数据。透过实时的财务分析，企业能更有效地管理现金流，加快决策，更清晰地掌握业务表现和销售趋势。

✦ 简化税务申报

系统整合让报税变得更轻松、高效，显著减轻行政工作负担，也降低申报时发生错误或遗漏的风险。

✦ 减少错误，提升合规性

传统手写或手动开单方式容易出错，例如重复记录、资料不完整或书写错误。电子发票可避免这些问题，帮助企业保持一致性，并确保合规。

✦ 简化流程

企业能够优化其发票处理流程，确保所有交易更加准确与透明。这一点尤为重要，不仅能提升业务效率，还不会带来额外的障碍或挑战。

✦ 合规优势

电子发票的推行也有助于企业确保遵守税务法规，通过更准确、透明的交易记录，提高整体纳税服务的效率。借助MyInvois门户，企业还可清晰掌握自身的收入与支出情况。

免费电子发票平台 助中小企业轻松上手

为协助中小企业与微型企业顺利数字转型，内陆稅收局提供了两个免费、用户友好的电子发票平台，让企业无需昂贵系统或复杂操作，也能轻松开始数字化之旅，包括：

✦ MyInvois网站

MyInvois不仅能通过网页浏览器访问，还提供了手机版应用程序，适用于所有苹果（iOS 16.0及以上版本）、安卓（Android 13及以上版本）及华为（EMUI 8.0及以上版本）设备。

✦ MyInvois e-POS系统

MyInvois e-POS是由内陆稅收局专为小型企业免费提供的系统，旨在提升企业营运效率，并协助企业符合电子发票实施的相关要求。除了具备销售管理、会计处理、库存管理及财务报告等功能外，MyInvois e-POS系统也允许卖家在交易过程中直接开立电子发票，或在交易完成后应买家要求再行开具。这些平台体现了内陆稅收局对中小企业的支持与承诺，协助他们在无需承担高昂成本的前提下，也能安心迈出数字转型的第一步。

LATEST E-INVOICE IMPLEMENTATION TIMELINE (UPDATED ON 5 JUNE 2025)		
PHASE	TARGETED CATEGORIES	IMPLEMENTATION DATE
1	Companies with an annual turnover or revenue of more than RM2 million	1 August 2024
2	Companies with an annual turnover or revenue of more than RM2 million and up to RM5 million	1 January 2025
3	Companies with an annual turnover or revenue of more than RM5 million and up to RM10 million	1 July 2025
4	Companies with an annual turnover or revenue of more than RM10 million and up to RM50 million	1 January 2026
5	Companies with an annual turnover or revenue of more than RM50 million	1 July 2026

中小企业的电子发票实施将根据年度收入分阶段进行，以确保企业有足够的时间适应。

企业如何顺利转型至电子发票？

为确保顺利过渡，内陆稅收局建议企业做好以下准备工作：

- ◆ 了解指南：熟悉电子发票的相关要求，以避免日后出现合规问题。
- ◆ 系统整合：确保业务系统已准备就绪，能够支持电子发票的操作与需求。
- ◆ 员工培训：为团队提供必要的培训，使他们具备管理电子发票的技能与知识。
- ◆ 持续关注更新：密切留意MyInvois系统与电子发票指南的最新资讯与调整。

数字化是中小企业迈向未来的关键

数字转型正在持续改变企业的运作方式，也成为提升合规与抗风险能力的重要手段。对于中小企业来说，电子发票不仅是应对法规的工具，更是一项迈向现代营运、迎战未来挑战的起点。

业主尽快适应电子发票不只能帮助企业顺利应对未来可能的法规调整，也能借助更准确的数据、更清晰的报告及更高的营运效率，发掘新的成长机会。

因此，马来西亚内陆稅收局也鼓励所有中小企业善用现有的免费工具，把电子发票纳入整体数字转型的蓝图中。

想了解更多详细资讯及操作指南，请浏览：<https://www.hasil.gov.my/e-invois/>

Menuju Era Digital: Mengapa e-Invois Penting untuk PMKS?

Dalam persekitaran perniagaan yang semakin kompleks, perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) berdepan dengan persaingan sengit, jangkaan pelanggan yang tinggi serta keperluan pematuhan yang semakin ketat. Untuk kekal berdaya saing dan berdaya tahan, semakin banyak perniagaan beralih kepada penggunaan teknologi digital bagi memudahkan operasi dan memperkukuh tadbir urus.

Di Malaysia, antara pemacu utama gelombang transformasi ini ialah pelaksanaan sistem e-Invois yang diperkenalkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL). Lebih daripada sekadar keperluan pematuhan, e-Invois membuka ruang kepada PMKS untuk meningkatkan kecekapan, mengoptimumkan pengurusan kewangan dan memperkukuh reputasi perniagaan.

Apa Itu e-Invois?

e-Invois ialah representasi digital bagi transaksi antara pembekal dan pembeli. Ia menggantikan dokumen bercetak atau elektronik seperti invoice, nota kredit dan nota debit. Pemilik perniagaan tidak lagi perlu mencetak, mengurus atau menyimpan fail secara

manual kerana invoice boleh dijana secara sistematik dan dihantar terus kepada HASiL secara hampir masa nyata.

Dengan e-Invois, rekod transaksi dan proses pelaporan cukai menjadi lebih lancar, mengurangkan kebergantungan kepada dokumen fizikal dan meminimumkan kesilapan manusia. Di samping itu, ia meningkatkan ketelusan dan menyokong kecekapan operasi secara menyeluruh. e-Invois juga memastikan syarikat selaras dengan perkembangan terkini dalam keperluan pematuhan cukai negara.

Manfaat e-Invois jauh melangkaui aspek pematuhan, ia turut menyokong pertumbuhan dan memperkukuh daya saing perniagaan dalam jangka panjang.

Manfaat e-Invois untuk PMKS

PMKS sering berdepan cabaran seperti kekurangan tenaga kerja, kekangan bajet, dan keperluan untuk melaksanakan pelbagai tugas serentak. e-Invois membantu mengurangkan beban tersebut dengan menyederhanakan proses dan memastikan ketepatan rekod kewangan. Antara kelebihan utama e-Invois termasuk:

1. Pengurusan Kewangan Lebih Cepak

e-Invois merekod setiap transaksi dengan tepat dan selamat. Melalui analisis kewangan masa nyata, syarikat dapat mengurus aliran tunai dengan lebih berkesan, membuat keputusan lebih cepat serta memahami trend dan prestasi perniagaan secara menyeluruh.

2. Pemfailan Cukai Lebih Mudah

Integrasi sistem menjadikan proses cukai lebih ringkas dan efisien, mengurangkan beban pentadbiran dan risiko kesilapan semasa pemfailan.

3. Kurangkan Risiko Kesilapan

Mengelakkan isu seperti data berganda atau maklumat tidak lengkap yang boleh menjejaskan pematuhan cukai.

4. Permudahkan Proses Perniagaan

Proses pengeluaran invois menjadi lebih pantas dan telus, meningkatkan kecekapan operasi serta keyakinan dalam urusan niaga.

5. Meningkatkan Tahap Pematuhan

e-Invois memastikan rekod transaksi lebih tepat dan telus, menyokong pematuhan cukai secara menyeluruh. Melalui portal MyInvois, pemilik perniagaan juga boleh menjejak pendapatan dan perbelanjaan dengan mudah.

Platform Percuma untuk Memulakan Langkah Digital

Bagi menyokong PMKS dan perusahaan mikro dalam peralihan ini, HASiL menyediakan dua platform e-Invois percuma dan mesra pengguna yang membolehkan perniagaan memulakan pendigitalan tanpa kos tinggi atau sistem kompleks:

1. **Portal MyInvois:** Boleh diakses melalui pelayar web serta aplikasi mudah alih untuk peranti Apple (iOS 16.0 ke atas), Android (Android 13 ke atas) dan Huawei (EMUI 8.0 ke atas).
2. **Sistem MyInvois e-POS:** Dibangunkan khas untuk perniagaan kecil, sistem ini ditawarkan secara percuma oleh HASiL bagi meningkatkan kecekapan operasi dan memastikan pematuhan terhadap keperluan e-Invois. Ia dilengkapi fungsi pengurusan jualan, perakaunan, inventori dan laporan kewangan. Penjual boleh mengeluarkan e-Invois secara terus semasa transaksi, atau pembeli boleh memohon e-invois selepas transaksi selesai.

Kedua-dua platform ini membuktikan komitmen HASiL dalam menyokong PMKS melangkah ke arah pendigitalan tanpa menanggung kos yang tinggi.

Langkah Bersedia untuk Peralihan e-Invois

Bagi memastikan peralihan yang lancar, HASiL menyarankan agar perniagaan untuk mengambil langkah persediaan berikut:

1. Fahami panduan: Teliti syarat dan garis panduan e-Invois bagi mengelak sebarang isu pematuhan.
2. Penyediaan sistem: Pastikan sistem perniagaan anda mampu menyokong penggunaan e-Invois.
3. Latih kakitangan: Berikan latihan sewajarnya agar pasukan dapat mengurus e-Invois dengan berkesan.
4. Ikuti perkembangan: Sentiasa peka terhadap kemas kini terkini berkaitan sistem MyInvois dan e-Invois.

Digitalisasi: Kunci Ketahanan dan Pertumbuhan PMKS

Transformasi digital terus mengubah cara perniagaan beroperasi dan menjadi kunci kepada daya tahan serta pematuhan jangka panjang. Bagi PMKS, e-Invois bukan sekadar keperluan cukai, ia adalah titik mula kepada pengurusan moden dan strategi pertumbuhan masa depan.

Dengan sistem yang lebih telus, data yang lebih tepat dan kecekapan yang meningkat, peralihan kepada e-Invois membuka ruang kepada peluang baharu dan penyesuaian terhadap sebarang perubahan peraturan di masa hadapan.

HASiL menggalakkan semua PMKS untuk memanfaatkan platform percuma yang disediakan dan menjadikan e-Invois sebahagian daripada pelan transformasi digital mereka.

Untuk maklumat lanjut dan panduan penggunaan, layari:

<https://www.hasil.gov.my/e-invois/>